

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN ASAS UKMFolio™ DALAM KALANGAN PELAJAR

TUJUAN

- 1.0 Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan penggunaan asas UKMFolio™ dalam kalangan pelajar untuk melaksanakan pembelajaran dalam talian di pelantar rasmi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) iaitu UKMFolio™, bagi mematuhi pelaksanaan:
 - 1.1 Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 hingga 31 Mac 2020;
 - 1.2 Tempoh lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan sehingga 14 April 2020;
 - 1.3 Tempoh lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan sehingga 12 Mei 2020;
 - 1.4 Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) mulai 04 Mei 2020 sehingga 09 Jun 2020;
 - 1.5 Pekeliling Naib Canselor Bil. 1/2020, 17 Mac 2020 telah menjelaskan tujuan melaksanakan perintah kawalan pergerakan staf UKM sebagai langkah pencegahan penularan wabak pandemik COVID-19 di UKM;
 - 1.6 Pekeliling Naib Canselor Bil. 2/2020, 27 Mac 2020 telah menjelaskan pelanjutan tempoh pelaksanaan perintah kawalan pergerakan sehingga 14 April 2020 di UKM; dan
 - 1.7 Pekeliling Naib Canselor Bil. 4/2020, 02 Mei 2020 telah menjelaskan garis panduan bekerja sebagai langkah pencegahan penularan wabak COVID-19 di UKM.

DEFINISI

- 2.0 UKMFolio™
 - 2.1 UKMFolio™ merupakan sebuah sistem pengurusan pembelajaran, *Learning Management System* (LMS) di UKM.

- 2.2 Pelantar ini merupakan pelantar rasmi di UKM dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran tidak segerak (*asynchronous*) bagi melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berterusan serta peperiksaan dalam talian.
- 2.3 Pengguna UKMFolio™ terdiri daripada pensyarah, pensyarah sambilan, *demonstrator*, *tutor*, pelajar, dan kakitangan bukan akademik UKM.

TATACARA PELAJARAN UKMFolio™ BAGI PELAJAR

- 3.0 Log masuk UKMFolio™
 - 3.1 Bagi memulakan PdP secara dalam talian, pelajar boleh log masuk UKMFolio™ melalui pautan <https://ukmfolio.ukm.my/>.
 - 3.2 Pelajar boleh log masuk ke UKMFolio™ menggunakan nombor matrik pelajar dan kata laluan masing-masing.
- 4.0 Kursus Pengenalan UKMFolio™ bagi Pelajar
 - 4.1 Kursus ini boleh diakses seperti berikut:

Log masuk UKMFolio™ > Kursus > Universiti Kebangsaan Malaysia > UKMF0002 Pengenalan UKMFolio™ untuk Pelajar > enrol.
 - 4.2 Kursus ini menerangkan tatacara penggunaan UKMFolio™ dengan lebih efektif.
- 5.0 Perkara asas dalam UKMFolio™ kepada pelajar ialah pemahaman mengenai pembelajaran aktif, aplikasi mudah alih, mengemaskini profil serta mencari senarai kursus mengikut fakulti.
 - 5.1 Pembelajaran AktivUKM™ merupakan kaedah pembelajaran yang melibatkan penyertaan atau penglibatan pelajaran dalam proses pembelajaran, berbeza dengan kaedah pengajaran tradisional yang bersifat sehala.
 - 5.2 Pembelajaran Aktif melibatkan tiga (3) perkara iaitu Pedagogi, Ruang dan Teknologi. Bagi maklumat lanjut pelajar boleh layari pautan berikut <https://bit.ly/videopembelajaranaktif>.
 - 5.3 Aplikasi mudah alih (Mobile App) UKMFolio™ kepada pelajar boleh di muat naik di *Play Store* (Android) dan *App Store* (Apple). Langkah-langkah memuat naik aplikasi ini adalah seperti berikut:
 - 5.3.1 Masuk ke *Play Store* atau *App Store* > Search: *Moodle* > Muat turun > Masukkan Url UKMFolio™ <https://ukmfolio.ukm.my/> > Connect! > Log masuk menggunakan No. Matrik dan kata laluan masing-masing > UKMFolio™ sedia untuk digunakan menerusi telefon bimbit pelajar.

- 5.3.2 Bagi maklumat lanjut pelajar boleh layari pautan berikut <https://bit.ly/moodleapps>.
- 5.4 Akses kepada bahan UKMFolio™ secara *offline* dengan menggunakan aplikasi mudah alih dapat membantu pelajar terutamanya bagi pelajar yang mempunyai data internet yang terhad. Langkah-langkah tersebut ialah:
- 5.4.1 Rujuk perkara 5.3.1 bagi memuat naik Aplikasi Moodle ke telefon pintar masing-masing.
 - 5.4.2 Masuk ke dalam kursus > Klik tiga (3) titik di atas *header* > *Show download options* > *Download course* > Klik OK.
 - 5.4.3 Bagi maklumat lanjut pelajar boleh layari pautan berikut <https://bit.ly/downloadcourseukmfolio>.
- 5.5 Mengemaskini profil pelajar boleh dilaksanakan dengan beberapa langkah iaitu:
- 5.5.1 Log masuk UKMFolio™ > Klik kotak gambar profil > *Dashboard* > *Edit profile* > Masukkan maklumat berkaitan > Masukkan *user picture* > *Upload a file* > *Choose file* > Pilih gambar pelajar > *Upload* > *Update profile*.
 - 5.5.2 Bagi maklumat lanjut pelajar boleh layari pautan berikut <https://bit.ly/kemaskiniprofil>.
- 5.6 Senarai kursus mengikut fakulti boleh ikuti langkah-langkah berikut iaitu:
Log masuk UKMFolio™ > Kursus > Klik pada Fakulti/Institut/Pusat > *Search courses* > Mulakan pembelajaran dalam talian.
- 6.0 Navigasi dan komunikasi dalam UKMFolio™ sangat penting terutamanya bagi menguruskan kesemua kursus yang di ambil oleh pelajar bagi semester tersebut. Fitur ini amat penting dalam UKMFolio™ supaya pelajar dapat ikuti kursus dengan baik dan setiap aktiviti dan tugasan dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.
- 6.1 Navigasi menggunakan *breadcrumbs* dalam UKMFolio™ boleh dilihat dengan lebih lanjut di pautan berikut <https://bit.ly/breadcrumbsukmfolio>.
 - 6.2 Navigasi dalam pengurusan *dashboard* yang lebih tersusun dan sistematik boleh dilihat dengan lebih lanjut di pautan berikut <https://bit.ly/dashboardukmfolio>.
 - 6.3 Navigasi dalam meletakkan fitur akses langsung kursus (*Starred courses*) boleh dilihat dengan lebih lanjut di pautan berikut <https://bit.ly/starredcourses>.

- 7.0 Pengenalan kepada pengajaran dalam talian menerangkan pengajaran dalam talian **segerak** yang boleh dilaksanakan melalui pelantar **Microsoft Teams**. Manakala pengajaran dalam talian **tidak segerak** yang dilaksanakan melalui pelantar **UKMFolio™**.
- 7.1 Pengajaran dalam talian segerak yang menggunakan Microsoft Teams, pelajar perlu mendaftar akaun baru Microsoft Office 365 melalui pautan berikut <https://www.microsoft.com/en-us/education/products/office>. Setelah itu, pelajar boleh log masuk ke Microsoft Teams melalui pautan office.com.
- 7.2 Pendaftaran akaun baru Microsoft Office 365 perlu menggunakan e-mel siswa pelajar masing-masing. Sekiranya tiada, pelajar boleh memohon di Sistem Permohonan E-mel Pelajar di pautan berikut <https://bit.ly/speep>.
- 7.3 Bagi sebarang aduan mengenai Office 365 dan Microsoft Teams, aduan boleh di emelkan kepada pasukan *Helpdesk* Pusat Teknologi Maklumat (PTM), admin_office365@ukm.edu.my dan helpdeskptm@ukm.edu.my.
- 7.4 Selain daripada pembelajaran segerak menggunakan Microsoft Teams, aplikasi lain seperti Google Meet, Zoom, Webex dan sebagainya juga boleh digunakan oleh pensyarah bagi tujuan PdP. Pelajar perlu sentiasa bersedia dan bersiap siaga dalam menggunakan aplikasi-aplikasi ini.
- 8.0 Pelajar boleh menghantar tugasan kepada pensyarah masing-masing dengan menggunakan fitur di dalam UKMFolio™.
- 8.1 Langkah-langkah menghantar tugasan ialah:
Pelajar masuk ke ruang *Submission Status* > *Add submission* > *Drag files* di ruang disediakan atau *Upload Files* > *Save changes* > Isi *Submission Comment* (jika ada).
- 8.2 Bagi maklumat lanjut, pelajar boleh layari pautan berikut bit.ly/tugasanpelajar1.
- 9.0 Pelajar juga boleh menghantar tugasan dengan menggunakan Google Drive, YouTube dan One Drive.
- 9.1 Penghantaran tugasan melalui Google Drive ini khusus bagi fail tugasan yang bersaiz besar iaitu melebihi 10 MB. Langkah-langkah menghantar tugasan ialah:
Pelajar masuk ke ruang *Submission status* > *Add submission* > *File submissions* > Klik *Files* > *File picker*. Google Drive > *Login to your account* > Pilih fail berkenaan > *Select this files* > *Save changes*.

9.2 Memuat naik video ke pelantar YouTube serta cara berkongsi pautan YouTube, Google Drive dan OneDrive boleh dikongsikan di pelantar UKMFolio™.

9.2.1 Langkah-langkah memuat naik video ke pelantar YouTube ialah:

Log masuk YouTube akaun menggunakan akaun Google > *Upload* > Pilih *Unlisted* (hanya penerima pautan sahaja yang dapat melayari video tersebut) > Muat naik video > *Copy video link* > *Embed link* di pelantar UKMFolio™ seperti langkah di 9.1 di atas.

9.2.2 Langkah-langkah *embed link* OneDrive ialah:

Log masuk Office 365 menggunakan akaun siswa > Klik OneDrive > *Manage access* > *Copy link (Anyone with the link can view)* > *Embed link* di pelantar UKMFolio™ seperti langkah di 9.1 di atas.

10.0 Terdapat beberapa saluran bantuan berkaitan pelajaran UKMFolio™.

10.1 Kursus Pengenalan UKMFolio™ untuk pelajar boleh di dapati di UKMF0002, rujuk laman sesawang UKMFolio™ di <https://ukmfolio.ukm.my>.

10.2 *Helpdesk* UKMFolio™, rujuk laman sesawang Pengajaran-UKM di <https://www.aktivukm.my>.

10.3 Aduan mengenai UKMFolio™ boleh turut disalurkan di pautan berikut <https://bit.ly/aduanukmfolio>.

11.0 Garis panduan ini akan berkuat kuasa pada 13 Mei 2020. Ia terpakai khusus bagi membantu pelajar UKM dalam melaksanakan PdP menggunakan UKMFolio™ dengan lebih berkesan.

Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum

(Pengajaran-UKM)

Tarikh: 13 Mei 2020

RUJUKAN

Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]:

Akta Polis 1967 [Akta 344]; Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]:

Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 [P.U.(A) 91]:

UKM. 2006. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Kaedah-kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tata tertib Pelajar-Pelajar) (Pindaan) 2006. Warta Universiti Kebangsaan Malaysia. 9 Jun 2006; dan

UKM. 2020. Garis Panduan Bekerja dari Rumah (*Work from Home*) sebagai Langkah Pencegahan Penularan Wabak Pandemik COVID-19 di Universiti Kebangsaan Malaysia, Siri 2/2020.